

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 22

AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ 1971

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ 1971**

Tarikh Perkenan Diraja... .. 22 April 1971

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 29 April 1971

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1992

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA




Akta 22

AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ 1971

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Akta 237
3. Pencen dan keistimewaan di bawah Akta ini ialah tambahan kepada apa-apa elaun atau keistimewaan, jika ada
4. Pembayaran dari Kumpulan Wang Disatukan
5. Pemansuhan



UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 22****AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ 1971**

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan pencen dan keistimewaan bagi Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj apabila beliau bersara dari jawatan Perdana Menteri Malaysia.

[Seluruh Malaysia—30 April 1971]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1971.

Akta 237

2. Walau apa pun peruntukan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*], atau mana-mana undang-undang lain berkenaan dengan pencen dan ganjaran bagi Anggota Pentadbiran, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, apabila beliau bersara dari jawatan Perdana Menteri Malaysia, berhak kepada pencen dan keistimewaan yang berikut:

- (a) ganjaran sebanyak RM200,000 yang dikecualikan daripada cukai;
- (b) pencen sebanyak empat ribu ringgit hendaklah kena dibayar setiap bulan pada satu haribulan setiap bulan;
- (c) sebuah rumah kediaman berperabot hendaklah diadakan dan disenggarakan dengan percuma;
- (d) sebuah motokar kerajaan dengan seorang pemandu hendaklah diadakan; dan

- (e) seorang setiausaha, seorang kerani merangkap jurutrengkas, seorang pegawai keselamatan dan seorang budak pejabat hendaklah juga diadakan mengikut kadar semasa kerajaan.

Pencen dan keistimewaan di bawah Akta ini ialah tambahan kepada apa-apa elaun atau keistimewaan, jika ada

3. Pencen dan keistimewaan yang dinyatakan dalam seksyen 2 adalah tambahan kepada apa-apa elaun atau keistimewaan lain yang kena dibayar kepadanya di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan saraan Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan mana-mana Negeri.

Pembayaran dari Kumpulan Wang Disatukan

4. Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan di bawah seksyen 2 hendaklah dibayar dari Kumpulan Wang Disatukan.

Pemansuhan

5. Ordinan No. 50 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 dengan ini dimansuhkan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 22

**AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ 1971**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta 237	Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980	01-07-1980

8

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 22

AKTA PENCEN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ 1971

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta 160	29-08-1975
	Akta 237	01-07-1980
